

NCRC TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI KTPC
Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 24 Oktober 2012 16:14

Kepada: UUM - All Staff



Pusat Penyelidikan
Koridor Utara
Universiti Utara Malaysia

24 OKTOBER 2012 / 08 ZULLHIJJAH 1433H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

NCRC TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI KTPC



NCRC ONLINE : 24 Oktober 2012, Northern Corridor Research Centre (NCRC) telah menerima kunjungan hormat dari pihak Kulim Technology Park Corporation Sdn Bhd (KTPC) untuk menjalin hubungan kerjasama serta merancang pelaksanaan pelbagai program di bawah Kluster Kelestarian dan Pembangunan Gender NCRC.

Sebagai permulaan kepada usahasama ini, dua program telah dipersetujui untuk dilaksanakan dalam masa terdekat dengan pembiayaan oleh pihak KTPC. Program pertama merupakan bengkel pembudayaan nilai Islam dalam aktiviti perniagaan kepada kumpulan usahawan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Manakala program yang kedua pula merupakan bengkel berbentuk pengkeupayaan kumpulan wanita khususnya ibu tunggal dari aspek memasarkan produk keluaran mereka dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Kedua-dua program ini akan diadakan pada bulan November dan Disember 2012 di EDC-UUM.

Kunjungan tersebut telah diketuai oleh Timbalan Presiden (Pembangunan Industri dan Penyelidikan) KTPC Tuan Haji Mohd Annuar bin Saffar diiringi oleh En. Nur Salman bin Saad. Delegasi disambut oleh Prof Madya Dr. Rohana Yusof selaku Pengarah dan kakitangan NCRC.

=====
NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)
.....